

Nasional

Penguat kuasa KPDNHEP pantau 'gula-gula asap'

In S
G4

Penjual bakal berdepan tindakan tegas:
Saifuddin

Oleh Wan Faizal Ismayatim
wfaizal@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengarahkan penguat kuasa turun padang bagi memeriksa dan memantau penjualan gula-gula mengeluarkan asap seakan-akan rokok yang dilaporkan dijual secara terbuka kepada murid sekolah.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata tindakan tegas akan dikenakan terhadap pihak yang menjual produk terbabit jika didapati melanggar peraturan mengikut bidang kuasa kementeriannya, seterusnya mengekang penjualan-nya.

Katanya, KPDNHEP akan meriksa dari mana produk gula-gula *Ghost Smoke* dihasilkan dan sama ada ia mematuhi Perintah Kawalan Harga (Pelabelan oleh Pengilang, Pengimport, Pengeluar atau Penjual Borong) 1980 sebelum sebarang tindakan lanjut diambil.

"Setiap produk tersedia bungkus di pasaran perlu mematuhi penandaan butiran seperti diperuntukkan mengikut perintah berkenaan."

"Berikut itu, Bahagian Pe-



Saifuddin pada sidang media selepas Mesyuarat Majlis Perundingan Penjaja dan Peniaga Kecil di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

nguatkusaan (KPDNHEP) kena tingkatkan keupayaan (pemeriksaan), ini produk yang baru timbul dan menjadi kegemaran anak.

"Selepas tinjauan penguatkusaan, pihak penguat kuasa perlu segera memberi laporan balas, kita nak tahu produk ini datang dari mana dan adakah patuh Perintah Kawalan Harga sebelum mengambil tindakan susulan," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Perundingan Penjaja dan Peniaga Kecil di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Saifuddin berkata, pihaknya juga akan mengetahui pasti sama ada gula-gula berkenaan dijual berleluasa di seluruh negara atau hanya ada di kawasan tertentu, misalnya di Lembah Klang dan beberapa daerah lain.

Setiap produk tersedia bungkus di pasaran perlu mematuhi penandaan butiran seperti diperuntukkan mengikut perintah berkenaan.

**Saifuddin Nasution Ismail,
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna**

Kelmarin, BH Online melaporkan gula-gula *Ghost Smoke* yang mengeluarkan asap seakan-akan rokok apabila disedut dilaporkan dijual berleluasa di daerah Papar, selain daerah lain di Sabah.

Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Kebangsaan (SK) Pekan Papar, Mohd Fauzi Sahat, dilaporkan berkata kebanyakannya yang membeli gula-gula itu adalah murid Tahun Lima dan Enam, malah beliau sudah menulis surat kepada sekolah dan mengingatkan ibu bapa mengenai budaya buruk bakal timbul daripada gula-gula berkenaan.

Aduan juga dibuat kepada Pegawai Kesihatan Daerah Papar dan pemeriksaan terhadap premis serta kajian terhadap kandungan gula-gula itu dijalankan.

Berdasarkan surat daripada Pejabat Kesihatan Papar, kajian terhadap gula-gula terbabit mendapati ia melanggar peraturan 11(1), Peraturan-Peraturan Makanan 1983, iaitu tidak menyatakan kandungan aditif makanan.